

SOALAN NO: 478

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]
TARIKH : -
SOALAN : 478**

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk membina bangunan baru untuk Pejabat Kesihatan Daerah Kulai memandangkan PKD Kulai masih berkongsi pejabat dengan klinik kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah beroperasi pada 1 Januari 2009 di bangunan Klinik Kesihatan Kulai Besar Jenis 3. Pada ketika ini jumlah anggota yang bertugas adalah seramai 300 orang dan dijangka akan meningkat seramai 600 orang. Jumlah ini akan bertambah lagi apabila pengambilan anggota-anggota baru dari semua unit untuk ditempatkan di sini di samping terdapatnya pengwujudan pelbagai jawatan baru dari tahun ke tahun. Kawasan pentadbiran Pejabat Kesihatan Daerah Kulai meliputi dua (2) buah Klinik Kesihatan, 11 Klinik Desa dan lima (5) Klinik 1 Malaysia yang beroperasi di bawahnya. Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor mendapati terdapat keperluan untuk membina baru Pejabat Kesihatan Daerah Kulai dan sedang mengenalpasti lokasi yang bersesuaian bagi tujuan permohonan projek. Projek ini akan dimasukkan ke dalam permohonan projek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Rolling Plan (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2020 setelah lokasi bersesuaian dikenalpasti.